

Pastikan taraf hidup Melayu dipertingkatkan

KUALA LUMPUR 5 Nov. - Umno Wilayah Persekutuan (WP) akan memastikan taraf hidup dan keperluan asas kaum Melayu dipertingkatkan menerusi pelaksanaan program-program khusus berteraskan ekonomi dan sosial.

Pengerusi Badan Perhubungannya, Datuk Zulhasnan Rafique berkata, salah satu pendekatan yang diambil adalah dengan menambah petak penjaja sebanyak 15,000 kepada peniaga Melayu iaitu tambahan kepada 40,000 petak sedia ada.

Kita menjangkakan mencapai taraf sifar setinggan menjelang tahun depan

"Langkah ini diambil adalah untuk menggalakkan kaum Melayu menceburi bidang perniagaan," katanya pada sidang media selepas Konvensyen UMNO Wilayah Persekutuan 2006, di sini hari ini.

Dalam pada itu, beliau yang juga Menteri Wilayah Persekutuan berkata, sebanyak 35,000 unit rumah pangsa kos rendah telah dibina oleh kementeriannya dengan kerjasama Kementerian Perumahan dan Kerajaan

**ZULHASNAN
RAFIQUE**
Pengerusi Badan
Perhubungan
UMNO WP

Tempatan melalui Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) untuk menggaantikan perumahan setinggan di sekitar ibu negara.

"Kita menjangkakan mencapai taraf sifar setinggan menjelang tahun depan." katanya.

Selain itu, pihaknya juga sentiasa memastikan segala kemudahan asas seperti bekalan elektrik dan air di kawasan itu berada pada tahap yang memuaskan.

Mengenai Pelan Pembangunan Kampung

Baru, beliau menjelaskan, pihaknya sudah bersedia untuk memberi taklimat kepada Perdana Menteri dan Timbalannya dalam masa terdekat ini.

Namun, beliau enggan mengulas tentang kos pembangunan keseluruhan kawasan itu kerana masih menanti penilaian tanah oleh Kementerian Kewangan.

Zulhasnan bagaimanapun menegaskan, pembangunan Kampung Baru tetap menjadi agenda utama UMNO Wilayah Persekutuan.